



ANTENNA COMMUNICATIONS SERVICES



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

11hb. Jun 1997

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Surat Tuan:

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Md Farid Jaafar	95486370
2.	Mohd Hafizy Mohd Isa	95645237
3.	Rapidah Mohamad Rapie	95662002
4.	Rohaiyun Md Jamal	95659029
5.	Maznun Md Nor	95738722

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

SHAHARIAH HJ OSMAN

Ketua Kursus DBS

ITM Melaka

b/p Pengetua

ANTCOM SERVICES.

*Antenna Communication Services.
Diploma In Business Studies
Kajian Pengurusan Perniagaan
Institut Teknologi MARA Melaka
KM26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka*

Tarikh : 28 OGOS 1997

*Puan Zubaidah.
Pensyarah Keusahawanan (ETR 300)
Institut Teknologi MARA Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah.*

Puan ,

Penyerahan Rancangan Perniagaan Perkhidmatan Antenna.

Dengan ini kumpulan kami menyerahkan Rancangan Perniagaan untuk projek Perkhidmatan Antenna yang telah lengkap disediakan meliputi aspek-aspek yang diperlukan :

- 2. Tujuan kami menyediakan Rancangan Perniagaan ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi mata pelajaran Asas Keusahawanan 300 yang diwajibkan ke atas semua pelajar Semester Lima.*
- 3. Pemilihan tajuk ini berdasarkan potensi perniagaan ini yang berdaya maju dan selaras dengan pertumbuhan bidang komunikasi yang semakin pesat.*
- 4. Kami ingin menyatakan kesanggupan kami dan memandang ke hadapan terhadap maklumat tambahan yang diperlukan berkaitan dengan Rancangan Perniagaan yang telah disediakan.*
- 5. Kami berharap Rancangan Perniagaan yang telah disediakan menepati keperluan yang ditetapkan. Kami meminta maaf sekiranya terdapat kekurangan dan kesalahan dalam*

ANTCOM SERVICES.

Rancangan Perniagaan ini. Segala maklum balas dari pihak Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.


Yang Benar,


(Mohd. Farid B. Jaafar)


PENGURUS AM

 bone.
(Mohd. Hafizy B. Mohd Isa)


PEGAWAI OPERASI


(Rohaiyun Bt. Md. Jamal)

PEGAWAI PEMASARAN


(Maznun Bt. Md Nor)

PEGAWAI KEWANGAN


(Rapidah Bt. Mohamad Rapie)

PEGAWAI PENTADBIRAN

1.0 PENGENALAN.

Bidang perniagaan yang dijalankan adalah berasaskan teknologi tinggi. Ini bersesuaian dengan Cabaran Wawasan 2020 yang menuntut agar masyarakat Malaysia dapat membentuk sebuah masyarakat yang bersifat saintifik serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh. Masyarakat maju bukan hanya masyarakat yang mampu memanfaatkan teknologi terkini tetapi turut menyumbang kepada pembentukan peradaban Sains dan Teknologi.

Bidang teknologi adalah salah satu faktor penting yang memainkan peranan di dalam proses mewujudkan masyarakat perindustrian yang berpengetahuan tinggi bagi melakukan penyesuaian, pembaharuan, dan penciptaan.

Oleh itu bidang ini dipilih atas beberapa sebab berikut :

- a) Bagi mempertingkatkan taraf ekonomi negara agar setanding dengan negara-negara luar dan bidang komunikasi adalah satu industri yang penting.*
- b) Sebagai sebuah negara yang sedang berjuang menuju ke taraf negara perindustrian, Malaysia sememangnya memerlukan sektor-sektor ekonomi yang cekap teknologinya. Tetapi penyeratan bumiputera di dalam komunikasi seperti membuat antenna profesional adalah kurang.*
- c) Kebanyakan pengilang di Malaysia lebih tertumpu kepada industri makanan, elektronik dan elektrik.*
- d) Industri komunikasi mempunyai potensi yang tinggi, ini disebabkan kebanyakan antenna profesional diimport dari luar negara dengan harga yang agak mahal dan memakan masa selama dua atau tiga bulan selepas membuat pasaran.*